

25 AUG 2001

Internet-Persidangan

PERSIDANGAN TERBESAR DUNIA MENGENAI INTERNET TAMIL BERMULA ESOK

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Persidangan dan pameran terbesar dunia mengenai Internet Tamil di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini bermula esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan tiga hari itu yang dijangka dihadiri oleh kira-kira 800 perwakilan dari 10 negara.

Pengerusi Penganjur Datuk Seri S.Samy Vellu memberitahu Bernama bahawa persidangan itu bertujuan mempromosikan penggunaan Internet melalui Tamil dan sebaliknya.

Beliau berkata persidangan dan pameran itu membolehkan masyarakat yang bertutur bahasa Tamil di seluruh dunia untuk merebut peluang dan mengetahui perkembangan terkini menggunakan Internet untuk perniagaan, perdagangan dan e-dagang.

Isu yang akan dibincangkan termasuk kandungan multimedia, jurang digital, aplikasi tanpa wayar serta pekerjaan dan peluang dalam Teknologi Maklumat (IT).

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata Internet boleh merapatkan masyarakat Tamil di seluruh dunia kerana bahasa itu adalah saluran penting untuk mereka berkomunikasi di dunia yang semakin pesat mengalami perubahan.

Acara itu ialah anjuran bersama MIC dan International Forum for Information Technology in Tamil (Infitt).

Samy Vellu berkata MIC mempunyai komitmen untuk mempromosi dan meningkatkan status pendidikan dan sosial masyarakat Tamil terutama untuk mempersiapkan diri mereka menghadapi era ekonomi berasaskan pengetahuan.

Beliau berkata parti telah menggariskan beberapa program untuk membantu masyarakat India memiliki komputer peribadi dan membiasakan mereka dengan Internet.

Katanya, parti akan mempopularkan penggunaan komputer dan Internet bukan sahaja di kalangan penuntut tetapi juga surirumah dan mereka yang bekerja kerana adalah penting bagi masyarakat India setaraf dengan kaum lain dalam era teknologi maklumat.

-- BERNAMA

RV MAM FAZ